

10/06/1999

TNB berupaya teruskan projek Bakun

Kadir Dikoh

PROJEK Hidro Elektrik Bakun di Sarawak yang ditangguhkan pada 1997 berikutan kegawatan ekonomi akan diteruskan. Namun, kapasitinya dikecilkan kepada cuma 500 megawat (MW). Cadangan asal adalah 2,400 MW yang mampu membekalkan tenaga elektrik kepada seluruh negara.

Dengan pengecilan itu, keupayaan Bakun menjana kuasa sekitar 500 MW cuma menampung bekalan elektrik di Sarawak dan Sabah serta kemungkinan juga dijual kepada negara jiran Brunei Darussalam dan Kalimantan di Indonesia.

Kelmarin, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengesahkan bahawa Bakun yang dihidupkan semula itu akan diterajui Tenaga Nasional Bhd (TNB) bersama beberapa pihak lain.

Beberapa pihak lain akan dijemput mengambil bahagian setelah usaha mengambil alih projek itu daripada Bakun Hydro Electric Corporation Bhd (BHC), anak syarikat Ekran Bhd, yang memajukan Bakun sebelum ini, selesai dilakukan.

Pemegang saham BHC ialah Ekran dengan ekuiti 42.6 peratus, Kerajaan Negeri Sarawak (25.3 peratus), Perbadanan Pembekalan Lektrik Sarawak, SESCo (12 peratus), Khazanah (6.67 peratus), TNB (6.67 peratus) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (6.67 peratus).

Namun, setakat ini belum diketahui berapa kos untuk membina Bakun yang dihidupkan semula itu. Kos asal ialah RM13.6 bilion termasuk kos membina kabel dasar laut dari Sarawak ke Semenanjung bagi tujuan membekal tenaga elektrik.

Kelmarin, Dr Mahathir membayangkan kemungkinan membatalkan rancangan membina kabel dasar laut itu kerana kos membinanya terlalu tinggi dan mengambil separuh daripada kos projek keseluruhannya. Pada Ogos tahun lalu, Dr Mahathir dilaporkan berkata, kos pembinaan projek Bakun mungkin dapat dikurangkan RM6 bilion jika rancangan asal membekalkan kuasa ke Semenanjung dibatalkan.

Dengan itu, kerajaan boleh menjimatkan RM6 bilion. Berdasarkan hakikat ini, kos untuk membina semula Bakun akan menjadi lebih kecil kemungkinan sekitar RM5 hingga RM6 bilion kerana cuma membabitkan projek penjaan bagi 500 MW.

Dalam keadaan ekonomi semasa, kos sekitar RM5 bilion dirasakan memadai untuk rancangan penjaan kuasa elektrik melalui hidro bagi jangka sederhana. Apabila ekonomi negara kembali mantap, projek ini boleh diperbesar dan pembinaan kabel dasar laut mampu diteruskan bagi membekal elektrik ke Semenanjung yang pasti memerlukan tenaga daripada Bakun pada awal alaf baru nanti.

Pembinaan semula Bakun mungkin tidak begitu rumit kerana asasnya sudah disediakan. Kerja pembinaan tiga terowong, untuk Bakun yang lebih besar dengan keupayaan 2,400 MW sebelum ini, sudah 70 peratus siap.

Kini terpulanglah kepada TNB sama ada untuk menutup satu atau dua daripada terowong itu untuk dipadankan dengan keperluan lebih kecil. TNB dikatakan sedang meninjau kemungkinan membina stesen janakuasa bawah tanah yang akan menggunakan satu sungai untuk menakung air, dengan itu mengurangkan ketinggian empangan dalam usaha mengurangkan kos. Rancangan asal untuk membina empangan setinggi 200 meter tetapi dipercayai TNB mahu mengecilkannya kepada ketinggian 75 meter.

Bagi TNB, ia bukan pengalaman baru kerana sudah berbuat demikian dalam operasi projek hidranya di Pergau dan Cameron Highlands. Cuma ia mungkin terpaksa membayar pampasan bagi kerja yang sudah dijalankan di Bakun

tetapi pampasan itu dijangka dibayar oleh kerajaan.

Ini kerana tahun lalu, kerajaan membuat tawaran rasmi kepada BHC, sebanyak RM811 juta dan kemudian ditambah kepada RM950 juta untuk mengambil alih Bakun daripada anak syarikat Ekran itu. Tawaran itu berasaskan akaun perbelanjaan dan aset BHC pada 30 November 1997. Dengan itu, kerajaan akan mengambil alih aset dan tanggungan BHC termasuk terowong pengalihan sungai, Bakun Resort, Lapangan Terbang Bakun, Jeti Tubau, wang tunai RM100 juta dan dokumen penting projek.

Satu lagi persoalan ialah pihak mana yang akan bersama TNB membangunkan semula Bakun itu dan sama ada TNB cuma sebagai pengurus projek atau memegang ekuiti terbesar dalam projek terbabit. Yang hampir pasti, kerajaan Sarawak terutama melalui SESCo akan turut terbabit. Bagaimanapun, buat masa ini Bakun masih menjadi milik kerajaan setelah mengambilalih projek itu melalui Kementerian Kewangan Diperbadankan Disember lalu.

Dengan pembinaan semula Bakun, ia juga pasti memberi faedah ekonomi sampingan dan memesatkan semula pembangunan infrastruktur negara terutama di Sarawak. Ini sekali gus memantapkan lagi pemulihan ekonomi kerana projek prasarana boleh mencetus banyak kegiatan sampingan.

Dr Mahathir turut menyatakan projek hidro elektrik Bakun akan tertumpu di Sarawak dan Sabah dengan menempatkan industri berintensifkan tenaga di kedua-dua negeri itu, supaya kosnya lebih rendah. Ini bermakna, Sarawak akan meraih faedah maksimum.

Projek empangan Bakun adalah antara beberapa projek infrastruktur utama yang ditangguhkan pembinaan pada Oktober 1997 berikutan tercetusnya krisis kewangan serantau.

Mengikut jadual asal, projek itu mula beroperasi pada 2003 dan berkeupayaan menjana 1,800 MW tenaga buat permulaan yang sebahagiannya akan disalurkan ke Semenanjung melalui kabel dasar laut.

(END)